

Keberkesanan Program Pusat Islam dalam Membentuk Sahsiah Pelajar : Kajian Perbandingan Antara UPSI dan UKM

*The Effectiveness of The Programs in Islamic Centres
in Moulding Students' Characters: A Comparative
Study Between UPSI and UKM*

Abd Rahman Abd Ghani

*'Department of Islamic Studies, Faculty of Human Sciences,
Sultan Idris Education University, 35900 Tanjung Malim, Perak;*

Abstrak

Sahsiah yang baik ialah aset yang sangat penting pada diri seseorang pelajar. Kejayaan seseorang pelajar itu tidak hanya diukur berdasarkan ketinggian ilmu pengetahuannya, namun ia juga diukur dari sudut ketinggian sahsiahnya. Selain peranan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) itu sendiri, Pusat Islam di sebuah IPT itu juga sebenarnya sangat berperanan dalam membentuk sahsiah pelajar, kerana banyak program yang dijalankannya menjurus ke arah itu. Kajian ini melihat sejahteranakah peranan yang dimainkan oleh Pusat Islam di dua buah IPTA iaitu Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bagi merasakanannya. Kajian ini bersifat kualitatif dan kuantitatif iaitu menggunakan metode exploratory melibatkan kajian perpustakaan dan kajian lapangan. Kajian ini menggunakan soal selidik dan juga analisis komparatif untuk membuat perbandingan. Objektif utama kajian ini ialah untuk melihat keberkesanan perjalanan bentuk program keagamaan dan kemasyarakatan yang dijalankan oleh pusat Islam di UPSI dan UKM. Persampelan kajian melibatkan 100 orang responden iaitu 50 orang mahasiswa UPSI dan 50 orang mahasiswa UKM. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages For Social Science (SPSS) versi 17.0 menggunakan Skala Likert untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil kajian secara keseluruhan menunjukkan sedikit perbezaan keberkesanan antara pendekatan yang digunakan oleh Pusat Islam UPSI berbanding dengan Pusat Islam UKM.

Kata kunci Pusat Islam, Sahsiah, UPSI, UKM

Abstract

Good character is a very important asset to a student. A student's success is not only measured by his knowledge, but also in terms of his character. Apart from the role of

played by the institution of higher learning(IHL) itself, Islamic centres in an IHL are also actually very instrumental in shaping the personality of students, because a lot of programs conducted are tailored towards this aim. This study examines the extent of the roles played by the Islamic centers of two IHLs namely Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) in realizing that goal. This study is qualitative and quantitative in approach, utilizing exploratory methode involving library research and field research. This study uses questionnaires and comparative analysis in order to make the comparison. The main objective of this study is to examine the effectiveness of the religious and social programs conducted by the Islamic centers of UPSI and UKM. Sampling involved 100 respondents, 50 from UPSI students and 50 from UKM. Data were analyzed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 17.0 using the Likert scale for frequencies, percentages and means. The overall results showed some differences of effectiveness between the approaches used by the Islamic Centerof UPSI as compared to the Islamic Center of UKM.

Kata Kunci Islamic Centres, Character, UPSI, UKM

Pendahuluan

Universiti merupakan sebuah tempat tumpuan pengajian ilmu untuk melahirkan mahasiswa yang mempunyai daya kekuatan akal dan diri serta mampu bersaing bagi menghadapi dugaan di dunia luar. Tujuan universiti ialah untuk melahirkan manusia berilmu dan berakh�ak dan bukan sahaja melahirkan golongan profesionalisme untuk mengisi bidang pekerjaan dan pembangunan semata-mata (Baharudin, 2005). Namun memiliki ilmu dan kemahiran semata-mata tanpa dipupuk nilai-nilai murni tidak cukup untuk membina mahasiswa yang memiliki peribadi unggul. Pendidikan tidak akan lengkap jika kejayaannya hanya diukur berdasarkan pencapaian akademik semata-mata. Ia perlu dilihat secara menyeluruh dari segi kejayaan, pembentukan watak, karakter, tingkah laku dan budi bahasa bagi membentuk sahsiah mahasiswa secara holistik.

Kewujudan pusat Islam di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dapat memainkan peranan ini bagi membentuk sahsiah mahasiswa. Pusat Islam merupakan institusi yang ditubuhkan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti dan program keagamaan ke arah mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan Islam dalam usaha membina sahsiah dan jati diri warga kampus. Untuk mencapai matlamat tersebut, Pusat Islam telah merancang dan menganjurkan pelbagai aktiviti dalam bentuk pendidikan berterusan. Segala aktiviti yang telah pun dijalankan adalah untuk menerapkan nilai-nilai Islam yang universal ke dalam diri setiap kakitangan dan pelajar. Seterusnya, diharapkan mereka dapat menghayati nilai-nilai Islam tersebut demi melahirkan warga kampus yang bertaqwa.

Latarbelakang Kajian

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) merupakan dua buah pusat pengajian yang terkemuka yang mempunyai sejarah

tersendiri. UPSI merupakan sebuah universiti terunggul yang memimpin pendidikan guru negara (*Leading Education University*) dan ditubuhkan bagi melahirkan seorang guru yang memiliki nilai keperibadian dan bersahsiah unggul. UPSI begitu komited dalam melahirkan para guru yang mempunyai keseimbangan diri setiap aspek seperti sahsiah, intelek, emosi, jasmani dan rohani bagi mendidik generasi baharu.

Pusat Islam UPSI telah ditubuhkan pada bulan November 2001 iaitu setelah UPSI dinaiktarafkan sebagai IPTA. Ia ditubuhkan sebagai salah sebuah pusat atau unit di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Pendidikan Sultan Idris. Objektif utama penubuhannya adalah untuk merancang dan melaksanakan aktiviti dan program keislaman ke arah mempertingkatkan kefahaman dan penghayatan Islam dalam usaha membina sahsiah dan jati diri masyarakat kampus. Bermula pada 1 Jun 2005, Pusat Islam telah bernaung di bawah Jabatan Canselor untuk menyelaraskan dengan perkembangan, dasar dan keperluan universiti.

UKM pula merupakan salah sebuah universiti tempatan yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Namun pihak universiti tidak mengabaikan pendidikan kerohanian bagi membentuk warga kampus yang dinamis, berilmu dan berakhhlak mulia. Setelah 30 tahun penubuhan UKM iaitu pada tahun 1970, pihak urusetia masjid dan Unit Keagamaan Canselor pada Mac 2000 telah mula mengeluarkan kertas cadangan penubuhan Pusat Islam UKM. Walau bagaimanapun, cadangan ini mengambil masa dua tahun untuk direalisasikan bilamana penubuhannya telah disahkan oleh Pro Canselor UKM Tan Sri Abdullah Salleh di Dewan Tun Abdul Razak (DECTAR) pada tahun 2002 (Jamilah, 2005).

Objektif utama penubuhannya adalah untuk menjadi penggerak utama penyebaran dakwah Islamiah dan sebagai pusat segala aktiviti keagamaan. Di samping itu, Pusat Islam UKM menggariskan satu matlamat untuk mentarbiahkan dan menjana jati diri mahasiswa/i yang baru, ke arah yang lebih Islamik dan berakhhlak mulia.

Kajian Literatur

Mohd Nawwar (2010) mengkaji keberkesanan salah satu program yang telah diadakan oleh Pusat Islam UPSI. Ia turut membincangkan pendekatan yang telah digunakan oleh Program Penggerak ad-Din, dan antara pendekatan yang digunakan dalam program ini ialah pendekatan secara halaqah yang akan diadakan pada setiap minggu. Selain itu, modul yang digunakan dalam program ini adalah modul yang telah dirangka oleh pensyarah di UPSI.

Metodologi yang telah digunakan dalam kajian ini ialah kajian lapangan iaitu dengan menggunakan kaedah kuantitatif dan kaedah kualitatif. Instrumen yang telah digunakan dalam kajian ini ialah soal selidik dan juga temu bual. Responden yang dikaji ialah responden yang terdiri daripada mahasiswa semester tiga yang berada dalam tahun dua di UPSI. Dapatkan kajian kuantitatif bagi kajian ini ialah keberkesanan PPA dalam kalangan mahasiswa UPSI berada pada tahap sederhana dari aspek perlaksanaan program, modul program dan amalan kerohanian. Ini menunjukkan masih terdapat RPA dan ahli halaqah yang tidak menghayati objektif yang digariskan dan pembawaan halaqah yang masih kurang menarik minat mahasiswa. Manakala dapatkan kajian kualitatif pula ialah kajian menyatakan bahawa PPA mempunyai beberapa masalah

seperti masalah yang berkaitan dengan kewangan dan masalah yang berkaitan dengan komitmen yang diberikan oleh RPA yang tidak memberi sepenuh komitmen terhadap tugas mereka.

Razaleigh (2004) mengkaji pengurusan hal ehwal Islam yang telah dijalankan Pusat Islam UKM. Kajian ini telah menerangkan secara terperinci sistem pengurusan yang telah dijalankan oleh pihak Pusat Islam di UKM. Penerangan mengenai pengurusan yang terdapat di dalam kertas kerja ini ialah, penulis telah menyenaraikan carta organisasi yang terdapat di Pusat Islam tersebut serta tugas-tugas bagi setiap kakitangan di Pusat Islam tersebut.

Selain itu juga, kertas kerja ini juga telah menerangkan bahawa pengurusan Pusat Islam di UKM telah memberi penekanan kepada perancangan yang akan dilakukan, penekanan di dalam hlm pengurusan sumber manusia (penstafan), pengorganisasian dan penilaian hasil kerja yang telah dilakukan. Antara perancangan yang ada dalam seminar ini ialah mengenai takwim Pusat Islam 2003 di mana di dalamnya terdapat aktiviti yang telah dijalankan. Hasil dapatan kajian daripada seminar ini menunjukkan bukti bahawa kekuatan dan kelemahan pengurusan hal ehwal Islam di sebuah institusi akan menggambarkan kelangsungan aktiviti penghayatan Islam dalam institusi tersebut.

Siti Zubaidah (1996) menerangkan peranan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu dalam menangani masalah remaja. Kajian ini telah memfokuskan kajian terhadap unit-unit yang telah dibentuk dan bertanggungjawab dalam menangani masalah remaja. Selain itu, kajian juga ada menerangkan segala aktiviti yang dijalankan dalam membentuk sahsiah remaja dan tugas yang perlu dijalankan oleh setiap unit berkenaan dalam menuaikn tanggungjawab tersebut.

Hasil daripada kajian ini ialah masih terdapat beberapa masalah yang terdapat dalam pengurusan JHEAT ini iaitu antaranya kekurangan kakitangan menyebabkan perancangan yang dilakukan tidak cekap dan kurang berjaya, kurang peruntukan kewangan, kekurangan pegawai professional dalam bidang penerbitan dan kaunseling menyebabkan kurang menghasilkan risalah dan pamphlet untuk dijadikan sebagai publisiti.

Sorotan kajian lepas yang keempat yang ditulis oleh Ezad *et al.* (2010) mengkaji peranan yang telah dijalankan oleh sebuah institusi masjid dalam pembangunan masyarakat Melayu-Islam di Singapura. Masjid Assyafaah adalah antara masjid yang aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti bersifat ukhrawi dan duniawi. Masjid tersebut telah menjadi masjid contoh yang penting dalam membangunkan masyarakat Melayu-Islam Sembawang khususnya dan masyarakat Islam Singapura amnya. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti peranan yang dimainkan oleh Masjid Assyafaah terhadap pembangunan masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura. Selain itu, ia bertujuan meneroka sumbangan yang diberikan oleh masjid berkenaan kepada masyarakat Melayu-Islam Sembawang, Singapura. Keseluruhan kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, menerusi instrument kajian keperpustakaan, analisis dokumen, temu bual dan observasi. Kajian ini menghujahkan bahawa Masjid Assyafaah berjaya membangunkan sahsiah masyarakat Melayu-Islam Singapura terutama di sekitar Sembawang dan kawasan sekelilingnya. Selain itu, masyarakat Melayu-Islam tersebut mula sedar, mereka perlu mengimarahkan masjid dengan menjalankan aktiviti yang berfaedah dan bermanfaat.

Pernyataan Permasalahan

Masalah pergaulan bebas yang melibatkan pelajar IPT sering dipaparkan melalui media telah melaporkan Jabatan Agama Islam (JAIS) telah menangkap pelajar-pelajar IPT seramai 341 orang sepanjang 2002 dan 178 orang sepanjang 2003 kerana kesalahan tidak bermoral seperti berkhawatir dan berkelakuan tidak sopan di tempat awam. Pelajar-pelajar yang terlibat ialah dari beberapa buah institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta politeknik (Zainuddin et. al., 2008). Masalah sosial pelajar IPT yang berkaitan dengan khalwat dan perlakuan tidak sopan di tempat awam merupakan masalah yang dihadapi oleh semua institusi pengajian awam (IPTA) seluruh negara. Walaupun bilangan pelajar yang terlibat kecil sekiranya dinisbahkan dengan populasi keseluruhan pelajar di sebuah IPTA, ternyata masalah ini berlaku di pusat-pusat pengajian tinggi awam dan swasta. Berita-berita ini memberikan suatu gambaran yang buruk terhadap institusi pengajian tinggi di mana mahasiswa sepatutnya menjadi populasi yang menunjukkan sahsiah dan contoh yang terbaik kepada golongan belia di negara ini.

Objektif dan Persoalan

Objektif kajian yang ingin dicapai oleh kajian ini adalah,

1. Mengetahui objektif penubuhan Pusat Islam UPSI dan UKM.
2. Mengenalpasti latarbelakang peserta yang mengikuti program yang dilaksanakan oleh Pusat Islam UPSI dan UKM.
3. Menganalisis keberkesanan program dalam membentuk sahsiah mahasiswa UPSI dan UKM.

Persoalan kajian yang difikirkan sesuai dan bertujuan mencari jawapan bagi merealisasikan objektif kajian yang ingin dikaji adalah melihat kepada,

1. Apakah objektif penubuhan Pusat Islam UPSI dan UKM?
2. Siapakah peserta yang mengikuti program yang dilakukan oleh Pusat Islam UPSI dan UKM?
3. Sejauh manakah program yang dijalankan oleh Pusat Islam berkesan dalam membentuk sahsiah mahasiswa?

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Penyelidikan ini menggabungkan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang melibatkan kajian perpustakaan (*library*) berbentuk eksploratory dan metode kajian lapangan (*field research*) menerusi soal selidik.

Metode Pengumpulan Data

Metode pengumpulan data ialah suatu kaedah yang mengumpulkan semua data yang diperolehi daripada kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik. Antara metod yang digunakan oleh penyelidik ialah:

Kajian Perpustakaan

Metode kajian perpustakaan digunakan sebagai teorikal asas perbincangan awal mengenai Pusat Islam dan sahsiah. Kaedah ini berlaku dengan merujuk kepada bahan-bahan primer dan sekunder yang berkaitan dengan tajuk. Secara umum hampir keseluruhan kajian dihasilkan menggunakan metod ini. Bahan bacaan seperti tesis, jurnal, kertas kerja, seminar, buku, artikel dan lain-lain lagi diperolehi dari beberapa buah perpustakaan iaitu Perpustakaan Tuanku Bainun, UPSI, Perpustakaan Tun Seri Lanang, UKM dan Perpustakaan Utama, UM.

Metod Dokumentasi

Penyelidik juga menggunakan metode dokumentasi. Metode dokumentasi didefinisikan sebagai proses pengumpulan data dan fakta dengan menggunakan dokumen-dokumen yang berhubung dengan masalah yang akan dibincangkan dalam penulisan ini. Dokumen bererti bahan bertulis yang dapat memberikan pelbagai keterangan dan membantu dalam menghasilkan kajian ilmiah ini.

Antara sumber kajian berbentuk dokumentasi seperti rekod institusi atau organisasi serta laporan atau rekod pentadbiran. Kajian terhadap dokumen adalah penting untuk memperolehi maklumat secara mendalam terhadap sesuatu pentadbiran jabatan.

Metode Soal Selidik

Manakala Kajian Lapangan pula menggunakan metode survey. Ia melibatkan instrument soal selidik untuk mendapatkan maklumat penting berkaitan sesuatu kajian. Soal selidik ialah satu set borang yang mengandungi soalan tentang masalah yang hendak dikaji. Penyelidik akan menjalankan kajian setelah mendapat persetujuan daripada pihak Pusat Islam berkenaan secara bertulis. Bagi mentadbir instrument soal selidik, penyelidik sendiri akan mengedarkan borang set soal selidik. Borang soal selidik akan di edarkan kepada Ketua Pusat Islam dan 100 orang responden iaitu 50 orang mahasiswa UPSI dan 50 orang mahasiswa UKM

Data kuantitatif diperolehi daripada set soalan kaji selidik akan disediakan untuk mendapatkan maklum balas bagi masalah yang dikaji. Bagi instrumen soal selidik ini, penyelidik akan menyediakan beberapa soalan berstruktur (*Fixed-alternative Question*) kepada responden. Responden dikehendaki menjawab kesemua soalan yang telah disediakan. Soalan berbentuk terbuka iaitu *Open-ended Question* juga akan disediakan oleh penyelidik untuk diberi kepada responden menjawabnya secara terbuka.

Soal selidik ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu bahagian A (Demografi Pelajar) yang mempunyai 6 soalan dan bahagian B (Keberkesanan Program Dakwah Yang

Disediakan Oleh Pusat Islam) sebanyak 8 soalan yang perlu dijawab oleh responden iaitu mahasiswa/i. Responden perlu menjawab bahagian B mengikut persepsi mereka berdasarkan empat tahap Skala Likert seperti berikut:

- | | | |
|-----|---|---------------------|
| [1] | - | Sangat Setuju. (SS) |
| [2] | - | Setuju. (S) |
| [3] | - | Kurang Setuju. (KS) |
| [4] | - | Tidak Setuju. (TS) |

Selanjutkan data-data kuantitatif akan dianalisis secara deskriptif yang bertujuan untuk menyokong serta menghurai data yang diperolehi daripada maklum balas soal selidik. dengan menggunakan perisian *Statistical Packages For Social Science* (SPSS) Versi 17.0. penggunaan sistem SPSS versi 17.0 masa kini bertujuan bagi mempercepatkan proses pengiraan berbanding kaedah manual.

Instrument soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus, kekerapan dan min. Dalam kajian ini analisis deskriptif digunakan untuk menganalisis soal selidik. Bagi menjawab persoalan kajian, penyelidik menggunakan interpretasi skor min seperti dalam Jadual 1.

Jadual 1 Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 2.00	Setuju
2.01 hingga 3.00	Setuju
3.01 hingga 4.00	Kurang Setuju
4.01 hingga 5.00	Tidak Setuju

Demografi Responden

Pada bahagian ini, penyelidik secara umumnya membincangkan mengenai beberapa perkara yang berkaitan dengan latar belakang responden. Penganalisan data pada bahagian ini adalah bertujuan untuk mendapatkan gambaran umum mengenai latar belakang responden. Jumlah keseluruhan responden yang terlibat dalam kajian ini adalah terdiri daripada mahasiswa/i UPSI dan UKM iaitu sebanyak 50 orang mahasiswa/i UPSI dan 50 orang mahasiswa/i UKM.

Secara keseluruhannya, perbincangan pada bahagian ini mengikut kategori item yang terdapat dalam borang soal selidik iaitu jantina, umur, pendidikan terakhir sebelum ke UPSI atau UKM, peringkat pengajian yang sedang dibuat serta fakulti pengajian mahasiswa/i UPSI dan UKM seperti jadual di bawah.

Jadual 2 di bawah menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina. Seramai 20 orang (40%) responden lelaki dan 30 orang (60%) responden perempuan dalam kalangan mahasiswa UPSI. Manakala 25 orang (50%) responden lelaki dan 25 orang (50%) responden perempuan ialah mahasiswa UKM.

Jadual 2 Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut jantina.

	UPSI		UKM	
Jantina	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Lelaki	20	40	25	50
Perempuan	30	60	25	50

Jadual 3 di bawah menunjukkan taburan bilangan dan peratusan mengikut umur. Kategori umur pelajar UPSI bawah 19-21 sebanyak 4 orang (8%), umur 22-24 sebanyak 41 orang (82%) dan umur 25 tahun dan ke atas sebanyak 5 orang (10%). Manakala kategori umur pelajar UKM bawah 19-21 sebanyak 12 orang (24%), umur 22-24 sebanyak 9 orang (18%) dan umur 25 tahun ke atas sebanyak 29 orang (58%).

Jadual 3 Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut umur.

Umur	UPSI		UKM	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Bawah 19-21	4	8	12	24
22-24	41	82	9	18
25- Ke Atas	5	10	29	58

Jadual 4 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut pendidikan terakhir responden. Seramai 14 orang (28%) mahasiswa UPSI adalah lepasan IPTA, 3 orang (6%) lepasan IPTS, 23 orang (46%) lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 5 orang (10%) lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), dan 5 orang (10%) lepasan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Manakala seramai 39 orang (78%) mahasiswa UKM adalah lepasan IPTA, 1 orang (2%) lepasan IPTS, 2 orang (4%) lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK), 2 orang (4%) lepasan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA), seorang (2%) lepasan Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan seorang (2%) lain-lain pendidikan.

Jadual 4 Taburan bilangan dan peratusan mengikut pendidikan terakhir responden

Pendidikan	UPSI		UKM	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
Ins. Pengajian Tinggi Awam (IPTA)	14	28	39	78
Ins. Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	3	6	1	2
Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK)	23	46	2	4
Sekolah Men. Kebangsaan Agama (SMKA)	5	10	2	4
Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN)	5	10	4	8
Sekolah Berasrama Penuh (SBP)	0	0	1	2
Lain-Lain	0	0	1	2

Jadual 5 menunjukkan taburan bilangan dan peratusan responden mengikut peringkat pengajian terkini. Seramai 3 orang (6%) pelajar UPSI yang sedang membuat pengajian MA, 45 orang (90%) membuat BA, dan 2 orang (4%) membuat Sijil. Manakala seramai 12 orang (24%) pelajar UKM sedang mengikuti pengajian PHD, 15 orang (30%) membuat MA, 22 orang (44%) membuat BA dan 1 orang (2%) mengikuti pengajian Sijil.

Jadual 5 Taburan bilangan dan peratusan responden mengikut peringkat pengajian terkini

Pengajian Terkini	UPSI		UKM	
	Kekerapan	Peratus	Kekerapan	Peratus
PHD	0	0	12	24
MA	3	6	15	30
BA	45	90	22	44
Sijil	2	4	1	2

Berpandukan Jadual 6, seramai 7 orang (14%) pelajar UPSI merupakan responden dari Fakulti Bahasa & Komunikasi, 5 orang (10%) dari Fakulti Pendidikan & Pembangunan Manusia, 4 orang (8%) Fakulti Sains & Matematik, 6 orang (12%) dari Fakulti Seni, Komputeran & Industri Kreatif, 1 orang (2%) dari Fakulti Pengurusan & Ekonomi, 26 orang (52%) dari Fakulti Sains Kemanusiaan dan 1 orang (2%) dari Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional.

Jadual 6 Taburan bilangan dan peratusan responden UPSI mengikut fakulti

Fakulti	UPSI	
	Kekerapan	Peratus
Bahasa & Komunikasi	7	14
Pendidikan & Pembangunan Manusia	5	10
Sains & Matematik	4	8
Seni Komputeran & Industri Kreatif	6	12
Pengurusan & Ekonomi	1	2
Sains Sukan & Kejurulatihan	0	0
Sains Kemanusiaan	26	52
Pendidikan Teknikal & Vokasional	1	2

Manakala Jadual 7, seramai 8 orang (16%) responden dari pelajar UKM dari fakulti Ekonomi & Pengurusan, 1 orang (2%) dari fakulti Kejuruteraan & Alam Bina, 4 orang (8%) dari Fakulti Pendidikan, 17 orang (34%) dari Fakulti Pengajian Islam, 13 orang (26%) dari Fakulti Sains & Teknologi, 6 orang (12%) dari Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan dan seorang (2%) dari Fakulti Teknologi & Sains Maklumat.

Jadual 7 Taburan bilangan dan peratusan responden UKM mengikut fakulti

Fakulti	UKM	
	Kekerapan	Peratus
Ekonomi & Pengurusan	8	16
Kejuruteraan & Alam Bina	1	2
Pendidikan	4	8
Pengajian Islam	17	34
Sains & Teknologi	13	26
Sains Sosial & Kemanusiaan	6	12
Teknologi & Sains Maklumat	1	2


Analisis Keberkesanan Program Dakwah Yang Disediakan Oleh Pusat Islam

Analisis telah dilakukan untuk melihat keberkesanan program dakwah yang disediakan oleh Pusat Islam UPSI dan UKM bagi membentuk sahsiah di kalangan warga kampus. Berdasarkan Jadual 8, penyelidik telah menyediakan sebanyak 8 soalan yang mengandungi 4 pilihan jawapan berdasarkan Skala Likert iaitu Sangat Setuju, Setuju, Kurang Setuju, dan Tidak Setuju. Responden hanya boleh memilih salah satu daripada pilihan jawapan yang disediakan.

Jadual 8 Perbezaan taburan bilangan dan peratus penilaian responden terhadap keberkesanan program dakwah yang disediakan oleh Pusat Islam UPSI dan UKM


Bahagian C Soalan	Pusat Islam Upsi					Pusat Islam Ukm				
	Kekerapan & Peratus (%)					Kekerapan & Peratus (%)				
	SS	S	KS	TS	MIN	SS	S	KS	TS	MIN
Program agama membantu saya dalam memahami hal-hal agama	31 (62)	17 (34)	2 (4)	0 (0)	1.42	36 (72)	13 (26)	1 (2)	0 (0)	1.30
Nilai-nilai Islam membantu saya memahami perasaan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri.	29 (58)	20 (40)	1 (2)	0 (0)	1.44	29 (58)	19 (38)	2 (4)	0 (0)	1.46
Pengajian agama membantu saya memperbaiki amalan ibadah.	31 (62)	15 (30)	4 (8)	0 (0)	1.46	35 (70)	15 (30)	0 (0)	0 (0)	1.30
Program agama banyak memberi motivasi kepada saya untuk berubah menjadi lebih baik dan bertanggungjawab.	27 (54)	21 (42)	2 (4)	0 (0)	1.50	36 (72)	13 (26)	1 (2)	0 (0)	1.30
Pengisian rohani membantu saya mengawal perasaan negatif (contoh marah, sedih dan kecewa)	20 (40)	26 (52)	3 (6)	1 (2)	1.70	31 (62)	18 (36)	1 (2)	0 (0)	1.40
Dapat tambah kenalan dan mempertingkatkan ukhuwah.	24 (48)	23 (46)	3 (6)	0 (0)	1.58	26 (52)	18 (36)	6 (12)	0 (0)	1.60
Saya sering solat pada awal waktu dan berjemaah.	6 (12)	33 (66)	10 (20)	1 (2)	2.12	9 (18)	33 (66)	8 (16)	0 (0)	1.98
Pengajian agama menjadikan saya sentiasa menjaga hubungan dengan Tuhan, rakan, keluarga dan alam.	29 (58)	20 (40)	1 (2)	0 (0)	1.44	34 (68)	15 (30)	1 (2)	0 (0)	1.34

Berdasarkan Rajah 1 perbezaan analisis mendapati bahawa seramai 31 orang (62%) sangat setuju mengatakan bahawa program agama yang dianjurkan oleh Pusat Islam UPSI membantu mahasiswa UPSI dalam memahami hal-hal agama, 17 orang (34%) bersetuju, dan 2 orang (4%) kurang setuju. Manakala program agama yang dianjurkan oleh Pusat Islam UKM sangat membantu mahasiswa UKM dalam memahami hal agama. Ini kerana sebanyak 36 orang (72%) sangat setuju, 13 orang (26%) setuju dan 1 orang (2%) kurang setuju. Analisis menunjukkan bahawa sebanyak 96 peratus mahasiswa UPSI dan 98 peratus ialah mahasiswa UKM bersetuju bahawa program yang dianjurkan oleh Pusat Islam membantu mereka mendalamai ilmu agama.



Rajah 1 Perbezaan peratus tentang program Pusat Islam membantu memahami hal agama


Analisis Rajah 2 mendapati bahawa nilai-nilai Islam membantu mahasiswa UPSI memahami perasaan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri. Seramai 29 orang (58%) sangat setuju, 20 orang (40%) bersetuju, dan hanya 1 orang (2%) kurang setuju. Perkara sama turut dapat dilihat dikalangan mahasiswa UKM, sebanyak 29 orang (58%) sangat setuju, hanya berbeza pada 19 orang (38%) mengatakan setuju dan 2 orang (4%) kurang setuju. Sebanyak 98 peratus mahasiswa UPSI setuju bahawa nilai Islam membantu memahami perasaan orang lain dan tidak mementingkan diri sendiri. Manakala 96 peratus pula dalam kalangan mahasiswa UKM. Perkara ini menunjukkan bahawa, program yang dianjurkan oleh Pusat Islam yang menekankan pengisian rohani dapat membentuk jiwa yang suci di kalangan mahasiswa.



Rajah 2 Perbezaan peratus tentang nilai-nilai Islam membantu memahami perasaan orang lain


Analisis Rajah 3 melihat bahawa kesan pengajian agama yang dianjurkan oleh Pusat Islam UPSI membantu mahasiswa UPSI memperbaiki amalan ibadah. 31 orang (62%) mahasiswa UPSI mengatakan sangat setuju, 15 orang (30%) setuju, dan 4 orang

(8%) kurang setuju. Berbeza pula dengan mahasiswa UKM, sebanyak 35 orang (70%) sangat setuju, dan hanya 15 orang (30%) mengatakan setuju. Analisis menunjukkan bahawa 100 peratus mahasiswa UKM mengatakan setuju yang pengajian agama membantu memperbaiki amalan ibadah dan 92 peratus dalam kalangan mahasiswa UPSI. Oleh itu, usaha berterusan perlu dilakukan lagi oleh Pusat Islam bagi membentuk sahsiah di kalangan mahasiswa.



Rajah 3 Perbezaan peratus tentang pengajian agama membantu memperbaiki ibadah


Analisis Rajah 4 menunjukkan bahawa program agama Pusat Islam banyak memberi kesan motivasi untuk berubah menjadi lebih baik dan bertanggungjawab. 27 orang (54%) mahasiswa UPSI mengatakan sangat setuju, 21 orang (42%) bersetuju dan 2 orang (4%) kurang setuju. Manakala mahasiswa UKM pula, sebanyak 36 orang (72%) sangat setuju, 13 (26%) orang bersetuju dan hanya 1 (2%) orang yang tidak bersetuju. Peratus menunjukkan bahawa 96 peratus mahasiswa UPSI setuju program agama memberi kesan motivasi untuk berubah menjadi baik dan bertanggungjawab dan 98 peratus dalam kalangan mahasiswa UKM.



Rajah 4 Perbezaan peratus tentang pengajian agama memberi kesan motivasi


Analisis rajah 5 menunjukkan bahawa aktiviti-aktiviti pengisian rohani yang dilakukan oleh Pusat Islam dapat membantu mahasiswa mengawal perasaan negatif (contoh marah, sedih dan kecewa). 20 orang (40%) mahasiswa UPSI mengatakan sangat setuju, 26 orang (52%) setuju, 3 orang (6%) kurang setuju dan hanya 1 orang (2%) tidak setuju. Ia berbeza dengan mahasiswa UKM di mana bahawa 31 orang (62%) sangat setuju, 18 orang (36%) setuju dan hanya seorang iaitu (2%) kurang setuju. Peratus menunjukkan bahawa 92 peratus mahasiswa UPSI berupaya mengawal perasaan negatif dan 98 peratus mahasiswa UKM dapat mengawal perasaan negatif.

Selaku bakal pendidik, mahasiswa UPSI seharusnya lebih bijak mengawal emosi supaya dapat mendidik remaja kita yang semakin mencabar.




Rajah 5 Perbezaan peratus pengisian rohani membantu mengawal perasaan negatif

Analisis Rajah 6 menunjukkan bahawa 24 orang (48%) mahasiswa UPSI mengatakan sangat setuju yang program dihadiri dapat tambah kenalan dan mempertingkatkan ukhuwah, 23 orang (46%) bersetuju, 3 orang (6%) kurang setuju. Mahasiswa UKM pula melihat sebanyak 26 orang (52%) sangat setuju, 18 orang (36%) setuju dan 6 orang (12%) kurang setuju. Sebanyak 94 peratus mahasiswa UPSI setuju yang program dihadiri dapat tambah kenalan dan mempertingkatkan ukhuwah dan 88 peratus mahasiswa UKM. Ini menunjukkan bahawa mahasiswa UPSI di bawah Rakan Pusat Islam (RAPI) sangat aktif bekerjasama dengan Pusat Islam bagi mengadakan program agama.




Rajah 6 Perbezaan peratus kesan aktiviti dapat mempertingkatkan ukhuwah

Analisis Rajah 7 melihat perbezaan tentang kesan pengajian agama menjadikan seseorang sering memperingatkan diri supaya sering solat pada awal waktu dan berjemaah. Mahasiswa UPSI berpendapat 6 orang (12%) sangat setuju, 33 orang (66%) setuju, 10 orang (20%) kurang setuju dan 1 orang (2%) tidak bersetuju. Ia berbeza dengan mahasiswa UKM di mana sebanyak 9 orang (18%) sangat setuju, 33 orang (66%) setuju dan 8 orang (16%) kurang bersetuju yang mereka sering solat di awal waktu dan berjemaah. Perbezaan peratus menunjukkan bahawa sebanyak 78 peratus mahasiswa UPSI setuju sering solat berjemaah dan 82 peratus dalam kalangan mahasiswa UKM. Seharusnya seorang pendidik perlu menekankan penjagaan waktu solat begitu juga di kalangan mahasiswa UKM untuk dijadikan sebagai contoh teladan kepada yang 1



Rajah 7 Perbezaan peratus tentang penjagaan solat

Analisis Rajah 8 kesan pengajian agama menjadikan seseorang sentiasa menjaga hubungan dengan Tuhan, rakan, keluarga dan alam. Ini dapat dilihat dikalangan mahasiswa UPSI, 29 orang (58%) mengatakan sangat bersetuju, 20 orang (40%) bersetuju dan hanya 1 orang (2%) tidak bersetuju. Berbanding dengan mahasiswa UKM, 34 orang (68%) sangat setuju, 15 orang (30%) bersetuju dan juga seorang (2%) tidak bersetuju. Persamaan peratus menunjukkan bahawa 98 peratus mahasiswa UPSI dan UKM bersetuju yang kesan pengajian agama memberi kesan kepada pembentukkan sahsiah agar sentiasa bertanggungjawab dan menjaga hubungan dengan Tuhan, rakan, keluarga dan diri sendiri.



Rajah 8 Perbezaan peratus tentang penjagaan hubungan

Kesimpulan

Kesimpulannya, didapati bahawa program-program yang dijalankan oleh Pusat Islam di kedua-dua institusi berkenaan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada warga kampus serta memberikan kesan yang positif terhadap mereka. Walau bagaimanapun, program-program yang dijalankan itu masih perlu dilakukan penambahbaikan dari sudut urusan perlaksanaan program, agar dapat mencapai matlamat sebenar program tersebut dijalankan.

Kajian ini sedikit sebanyak telah menyingkap tahap minat mahasiswa terhadap program dan kaedah perlaksanaan dan pendekatan yang telah digunakan oleh Pusat Islam. Selain itu, kajian ini membantu semua pihak menilai permasalahan yang

dihadapi oleh Pusat Islam dalam melakukan program-program keagamaan. Nilai-nilai pembentukan sahsiah Islam telah menjadi tujuan utama program tersebut dijalankan. Penambahbaikan dalam melaksanakan setiap program seharusnya dipertingkatkan dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian beberapa cadangan dikemukakan ke arah membantu Pusat Islam dalam melakukan penambahbaikan. Cadangan-cadangan tersebut akan dikemukakan kepada tiga sasaran utama iaitu Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Ahli Jawatankuasa Pusat Islam dan Persatuan Pelajar.

RUJUKAN

- Baharudin, A. (2005). Tuntutan Kerja Atau Ilmu. Dlm *Utusan Malaysia*, April 1, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Bhd.
- Ezad, A.J., Siti Noorasikin, T., Kaseh, A. B. & Zamri, A. (2010). *Peranan dan Sumbangan Institusi Masjid dalam Pembangunan Masyarakat Melayu-Islam di Singapura: Satu Kajian di Masjid Assyafaah Sembawang*. Singapura
- Jamilah, S.M.Y. (2005). Masjid Universiti Kebangsaan Malaysia. Projek Ilmiah, Fakulti Pengajian Islam UKM. Bangi: UKM.
- Mohd Nawwar, A.M. (2010). *Keberkesanan Program Penggerak Al-Din dalam Kalamgan Mahasiswa di Universiti Pendidikan Sultan Idris*. Tanjung Malim: UPSI.
- Razaleigh, M. (2004). *Pengurusan Hal Ehwal Islam di Universiti: Peranan dan Tanggungjawab Pusat Islam di UKM*. Bangi: Pusat Islam UKM.
- Siti Zubaidah, N. (1996). Peranan Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dalam Menangani Masalah Remaja. Tesis sarjanya yang tidak diterbitkan. University Malaya: Kuala Lumpur
- Zainuddin, A., Zuria, M. & Salleh, A. (2008). Pendekatan Kaunseling Menangani Masalah Kebebasan Dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi: Dua Kajian Kes. Dlm *Jurnal Pendidikan*, Bil 34, Bangi: UKM.